



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

JABATAN BENDAHARI
ARAS 3, BLOK UTARA,
BANGUNAN CANSELORI,
JALAN UMS, 88400 KOTA KINABALU
SABAH, MALAYSIA.

Tel : + 6088-320 000 samb. 1041 / 1043
Faks : + 6088-320 235
E-mel : pabenums@ums.edu.my

No. Ruj : UMS/BEN3.2.1/100-1/7/3 JILID 5 (23)

Tarikh : 28 Jun 2018

SURAT PEKELILING BENDAHARI

Semua Dekan Fakulti/Pusat
Semua Pengarah Institut/Jabatan
Semua Ketua Bahagian
Semua Pemegang Waran Pusat Tanggungjawab

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 1 TAHUN 2018

PINDAAN TARIKH BAYARAN GAJI BULAN JULAI 2018 UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan perubahan tarikh bayaran gaji bagi bulan Julai 2018 dan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi bagi memastikan penyediaan gaji bagi bulan Julai 2018 dapat diuruskan dengan sempurna dan bayaran gaji dapat dilaksanakan mengikut tarikh yang ditetapkan.

2.0 LATAR BELAKANG

Surat pekeling ini disediakan berdasarkan keputusan Mesyuarat Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti Malaysia Sabah Bil. 3 Tahun 2018 (Siri 2) Kali ke-222 yang meluluskan pembayaran gaji bulan Julai 2018 dilaksanakan lebih awal daripada jadual asal agar selaras dengan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 2 Tahun 2018 - Tarikh Pembayaran Gaji Bulan Julai Tahun 2018.

3.0 TARIKH PEMBAYARAN GAJI BULAN JULAI 2018

- 3.1 Tarikh bayaran gaji bulan Julai 2018 bagi kakitangan tetap/ sementara / kontrak Universiti Malaysia Sabah adalah dijadualkan lebih awal iaitu pada hari **Rabu, 18 Julai 2018**.

- 3.2 Semua tuntutan elaun lebih masa dan maklumat penggajian kakitangan UMS yang lengkap hendaklah dikemukakan ke Seksyen Perkhidmatan Kakitangan, jabatan Bendahari UMS atau Sektor Kewangan, Kampus Cawangan atau Zon Operasi Kewangan selewat-lewatnya pada hari **Rabu, 4 Julai 2018**.
- 3.3 Untuk memastikan bahawa pembayaran gaji dapat dibuat mengikut tarikh tersebut, semua pihak adalah dikehendaki untuk memastikan peraturan pembayaran gaji seperti yang dinyatakan dalam **para 3.0 Pekeliling Bendahari Bil. 1 Tahun 2018** dipatuhi.

4.0 PINDAAN

Dengan berkuatkuasanya surat pekeliling ini, maka Butiran Bulan Julai 2018 pada Lampiran A - Jadual Pembayaran Gaji Bulanan Bagi Kakitangan Tetap/ Sementara / Kontrak Universiti adalah dipinda.

5.0 PEMAKAIAN DAN KUATKUASA SURAT PEKELILING

- 5.1 Surat pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta pada tarikh ianya dikeluarkan.
- 5.2 Kerjasama semua pihak adalah diharapkan untuk mematuhi peraturan - peraturan yang telah digariskan agar dapat melicinkan proses pembayaran gaji bulan Julai 2018 bagi Universiti Malaysia Sabah serta mengelakkan masalah kepada semua pihak yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

“Bertekad Cemerlang”

Yang ikhlas,



ZALLIFAH SHADAN
Bendahari

s.k

- Y. Bhg. Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
- Pendaftar
- Ketua Bahagian Audit Dalam
- Ketua Bahagian/Zon Operasi/Sektor Kewangan Jabatan Bendahari